

Keutamaan pada Komanwel mungkin dikaji semula

SEHARI sebelum genap seratus hari Datuk Seri Dr. Mahathir menjadi Perdana Menteri Malaysia, beliau telah bersetuju mengadakan wawancara khas dengan wartawan-wartawan Berita Harian, New Straits Times, Utusan Melayu dan Bernama.

Semalam kami telah hindangkan beberapa petikan dari wawancara yang berlangsung selama dua jam itu, meliputi pelbagai bidang luar dan dalam negeri, politik, ekonomi, rasuah, sistem waktu, pembangunan material dan rohaniah, tegasnya intisai falsafah hidup pemimpin yang sedang mengukir masa depan kita bersama.

Keluaran hari ini kami siarkan lagi dua petikan dari wawancara itu.

KERAJAAN mungkin mengkaji semula keutamaan terhadap Komanwel sekiranya perubahan itu benar-benar berfungsi membahagikan sebahagian kekayaan sama rata.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, setakat ini dasar setengah-setengah ahli Komanwel sebenarnya tidak menguntungkan Malaysia khususnya, negara-negara membangun lainnya.

Katanya, itulah sebabnya Malaysia tidak memberi keutamaan kepada Komanwel.

Jelanya, Komanwel itu penting tetapi persidangannya tak penting.

Berikut ialah wawancara itu:

Soal: Boleh saya alihkan pandangan pada masalah luar negeri. Nampaknya di dalam masa akhir-akhir ini (dalam 100 hari) macam ada satu salah faham tentang pandangan hubungan antarabangsa negara kita, boleh jadi berikutan dengan langkah Datuk Seri tidak menghadiri Persidangan Komanwel di Melbourne dulu. Dengan keputusan yang diambil, seolah-olah mereka itu mempunyai pandangan yang salah tentang cara kita menjalankan perhubungan.

Boleh Datuk Seri menjelaskan keadaan sebegini? **PM:** Saya telah beri pendirian saya mengenai hubungan antarabangsa, dari segi keutamaan. Keutamaan yang utama ialah dengan negara-negara Asean, hubungan dengan Asean. Yang keduanya dengan negara-negara Islam, ketiganya dengan negara-negara berkecuali dan yang keempat barulah sampai kepada soal Komanwel. Walaupun kita mempunyai senarai keutamaan satu dua tiga empat lori, jarak antara satu sama lain bukanlah sama (not equidistant).

Mungkin yang Komanwel ini bukan sahaja nombor empat, tapi jauh kebelakang mungkin pada masa ini.

Tetapi kalau Komanwel pada masa depan menunjukkan bahawa dia benar-benar berfungsi

sebagai Komanwel lalu sebahagian kekayaan yang besar dibahagi secara samarata, kita mungkin mengkaji semula keutamaan kita.

Tetapi setakat ini dasar setengah-setengah ahli Komanwel ini sebenarnya tidak menguntungkan Malaysia khususnya, negara-negara membangun lainnya.

Sebab itu kita tidak memberi keutamaan kepada Komanwel.

Saya telah tegaskan ini beberapa kali. Tetapi kalau mereka tak faham, saya tak daya nak menenangkan. Mereka tahu sebabnya.

Juga saya membezakan antara Komanwel dengan mengadakan persidangan Komanwel. Komanwel itu penting tetapi persidangannya tak penting. Umpamanya dalam Asean. Kita kadang-kadang mengadakan sidang kemuncak ketua-ketua Kerajaan, tetapi kadang-kala kita tak ada. Tidak bermakna bahawa Asean itu tak penting.

Tetapi yang tak penting pada satu-satu ketika ialah sidang ketua-ketua Kerajaan, sebab itu kita tidak mengadakannya.

Tetapi Asean masih kekal. Begitu juga dengan Komanwel.

Persidangannya mungkin tak penting tetapi Komanwelnya secara perbandingan adalah lebih penting mengikut perkiraan pada sesuatu masa.

Soal: Ramai orang berkata apa yang Datuk Seri kata adalah wajar dan ramai yang bersetuju, tetapi ada selangnya berkata diplomasi antarabangsa adalah satu cara untuk mengatakan 'tidak' bila maksudnya 'ya', dan 'ya' bila maksudnya 'tidak', dan mungkin sama ada 'ya' atau 'tidak'.

Apa yang orang ramai alami ialah mereka terkejut mendengar seorang Perdana Menteri bercakap secara lurus dan memberi pandangan berterus terang dan setengah mereka mengatakan apa yang harus dilakukan ialah meneruskan pandangan dengan cara diplomasi. Itu lebih mudah bagi mereka faham. Apa pandangan Datuk mengenai

perkara itu?

PM: Tentu, pertama sekali saya ingin menegaskan ialah saya adalah seorang ahli politik dan bukan seorang diplomat, jadi diplomat tidak mungkin berkata tidak, atau tidak pernah berkata tidak, sebagai seorang ahli politik, saya berhak berkata 'tidak' bila saya rasakan perlu.

Tetapi, dari pengalaman saya, dalam pengalaman tidak meluas dalam bidang antarabangsa, biasanya jika kita berkata sesuatu yang baik, kita tidak mendapat hasil yang banyak.



Dalam suasana di mana semua orang berkata sesuatu yang baik sahaja hanya seseorang yang mengeluarkan kata-kata 'nakal' mendapat perhatian.

Sebagaimana perumpamaan, di mana satu tempat didiami oleh orang-orang baik, orang mempunyai satu mata menjadi raja.

Saya sudah biasa bercakap sesuatu yang nakal kepada siapa sahaja. Kepada Melayu, Cina mahupun India di negara saya sendiri dan saya tidak nampak mengapa saya harus berhenti dari berbuat demikian di negara ini. Sekiranya saya mempunyai hubungan dengan negara-negara lain. Saya

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia